

04/04/1999

PM bentang Kertas Putih esok

KEPALA BATAS: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan membentangkan Kertas Putih mengenai keadaan ekonomi semasa dan laporan separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) dalam sidang Parlimen yang bermula, Isnin ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Kertas Putih itu akan dibentangkan Dr Mahathir Selasa ini, akan turut menyentuh pelbagai langkah dan usaha kerajaan untuk mengatasi kegawatan ekonomi.

"Rakyat akan tahu apakah usaha yang sudah diambil kerajaan dan pencapaian kita sepanjang RM-7 (1996-2000) serta bagaimana kita menghadapi kegawatan ekonomi sekarang," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Cawangan Bertam di sini, semalam.

Tanpa mengulas lanjut mengenai Kertas Putih itu, Abdullah berkata pelbagai usaha yang diambil kerajaan dan rakyat Malaysia dalam menghadapi kegawatan, kini sudah mula diiktiraf pakar ekonomi seluruh dunia.

"Walaupun pada peringkat permulaan, pemimpin ekonomi dunia mula syak dan sangsi terhadap langkah drastik kita, kini mereka mengakui kaedah Malaysia paling mujarab dan berkesan.

"Sementara jiran kita masih terjerat dengan tindakan spekulator mata wang, Malaysia sudah menampakkan tanda-tanda pemulihan ekonomi. Bank Negara Malaysia dan penganalisis ekonomi yakin pertumbuhan ekonomi Malaysia boleh mencapai dua peratus, tahun ini.

"Malah, agensi penarafan antarabangsa juga mula mengakui keberkesanan usaha kita," katanya.

Beliau berkata, pakar pengurusan ekonomi Eropah juga mula memuji langkah diambil pemimpin Malaysia, termasuk kawalan mata wang, sebagai tindakan betul dan tepat.

Bagaimanapun, bagi Abdullah, semua pujian terhadap Malaysia itu harus dicurahkan kepada rakyatnya yang memberi sokongan dan keyakinan berterusan kepada kerajaan.

(END)